

## Pengertian Khiyar

Dari segi bahasa	Memilih Hak memilih bagi si penjual dan si pembeli sama ada hendak meneruskan ke proses akad atau membatalkannya
------------------	--

Proses khiyar adalah suatu pertimbangan yang mendalam, baik bagi si penjual dan si pembeli agar tidak timbul penyesalan selepas melakukan dan membuat pembayaran.

## Khiyar Majlis

Dari segi bahasa	Tempat duduk (majlis) atau tempat untuk melakukan akad
Dari segi istilah	Kedua-dua pihak berhak untuk memilih meneruskan atau membatalkan transaksi selagi mana pejual dan pembeli masih berada di majlis tersebut.

Khiyar Majlis membolehkan penjual dan pembeli melakukan tawar-menawar sehingga bersetuju melakukan akad dan kedua-duanya hendaklah masih berada di majlis (kedai) tersebut.

## Syarat Khiyar Majlis

Hendaklah ia dilakukan pada waktu atau sesi yang sama secara fizikalnya sebelum kedua-duanya berpisah. Jika salah seorang daripadanya sudah keluar daripada majlis (kedai) tersebut maka batal hak khiyar bagi kedua-dua belah pihak.



By N.Julia Jesnita  
cheatography.com/n-julia-jesnita/

## Hadis Tentang Khiyar Majlis

Dari ibnu Umar ia berkata, "Sabda Rasulullah S.A.W bersabda: "Penjual dan pembeli boleh melakukan khiyar antara mereka selama keduanya belum berpisah, atau salah seorang diantara mereka memberi pilihan kepada seorang lagi". (Riwayat al-Bukhari, Muslim)

Dari Ibnu Umar katanya : "Saya sunnah, dua orang yang berjual beli boleh membuat pilihan sehingga mereka berpisah. Menurut Amirul Mukminin Uthman sejumlah harta di al-Wadi dengan sejumlah harta miliknya di Khaibar. Setelah selesai kami berjual-beli, saya segera berpaling dan keluar dari rumahnya kerana saya bimbang dia akan meminta semula jualannya". (Riwayat al-Bukhari)

## Cara Perpisahan Dalam Majlis

Jika mereka berada di dalam rumah, perpisahan akan berlaku apabila salah satu pihak keluar dari rumah tersebut. Jika mereka berada di pasar, telah berupsing ke kawasan belakang dan melangkah lapang atau di atas kapal, perpisahan akan berlaku apabila salah satu pihak keluar.

Sekiranya mereka berdua keluar bersama-sama atau berjalan bersama-sama, maka majlis tersebut masih berterusan dan mereka masih berhak menuntut khiyar.

## Manfaat Khiyar Majlis

- Memberi keselesaan dan kepuasan bagi kedua-dua pihak yang berurus niaga.
- Dapat mengelakkan penipuan semasa transaksi. jual beli berlaku
- Memupuk ketulusan dan kejujuran bagi kedua-dua pihak agar terjamin.
- Meminimumkan terjadinya perselisihan faham dari transaksi yang dilakukan antara kedua belah pihak.

Not published yet.

Last updated 9th April, 2022.

Page 1 of 1.

Sponsored by [CrosswordCheats.com](http://crosswordcheats.com)  
Learn to solve cryptic crosswords!  
<http://crosswordcheats.com>